

Dividen ASB berpatutan

KUALA LUMPUR: Agihan pendapatan Amanah Saham Bumiputera (ASB) pada kadar 4.25 peratus bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 disifatkan sebagai berpatutan dengan mengutamakan kelestarian Permodalan Nasional Berhad (PNB) serta kepentingan pelabur.

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti Kewangan Islam Global (Inceif), Prof. Madya Dr. Baharom Abdul Hamid berpandangan, pengumuman agihan pendapatan itu pastinya telah mengambil kira sentimen rakyat serta di pihak kerajaan, sokongan yang amat diperlukan apatah lagi ketika iklim politik yang agak tegang.

Namun begitu, Baharom berkata, jika dilihat secara rasional, bonus dan dividen yang diumumkan itu boleh dianggap berpatutan mengambil kira kelembapan ekonomi global yang tercetus akibat krisis kesihatan.

“Harus diingat bahawa ekuiti awam antarabangsa adalah prospek pemberi pulangan yang amat baik, namun disebabkan kesan menyeluruh pandemik ini kepada iklim ekonomi global, ia juga sedikit sebanyak telah menjejaskan pulangannya.

“Sebagaimana kita maklum, PNB telah menjalankan plan



PENGERUSI Kumpulan PNB, Tan Sri Dr. Zeti Aziz ketika mengumumkan agihan pendapatan ASB di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

rasionalisasi mengambil kira ke-
kangan pelaburan dan mengkaji
plan strategiknya sebelum ini
iaitu Strive-15 untuk tahun 2017
hingga 2022.

“Setelah mengambil kira
kesan dan akibat, PNB telah
merumus plan strategik ba-
haru 2020 hingga 2022 dikenali
sebagai Focus-4 dengan strategi
meningkatkan secara berkala
pendedahan global ke 30 peratus
pada penghujung 2022 berbanding
8.5 peratus tahun lalu demi
mengoptimumkan pulangan dan
memberikan impak maksimum

kepada pelabur,” katanya kepada
Utusan Malaysia semalam.

PNB mengumumkan agihan
pendapatan ASB berjumlah 4.25
sen seunit bagi tahun kewangan
berakhir 31 Disember 2020.

Pada masa sama, PNB turut
mengumumkan tambahan ba-
yaran bonus atau ihsan pada ka-
dar 0.75 sen seunit bagi 30,000
unit pertama.

Baharom berkeyakinan pu-
langan ASB dan PNB untuk
tahun hadapan akan kembali
pulih berdasarkan kepada pe-
mulihan ekonomi.